

**NGO Pertikai Penangkapan Pemuda Tampal Poster LGBT  
mStar Online  
Mac 29, 2012  
Oleh REGINA LEE**

**KUALA LUMPUR:** Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Jaringan Melayu Malaysia (JMM) menyifatkan penangkapan dan hukuman terhadap lima pemuda yang menampal poster dan didakwa menghina sebagai tidak adil.

Menegaskan bahawa mereka telah melakukan "kerja sosial" dalam mewujudkan kesedaran mengenai isu LGBT (Lesbian, Gay, biseksual, transeksual), presiden pergerakan Azwanddin Hamzah berkata polis tidak berlaku adil apabila menangkap orang-orang yang memasang poster.

"Terdapat poster di seluruh negara oleh ah long dan rumah urut haram.

"Saya rasa banyak yang jauh lebih buruk berbanding sekumpulan anak-anak muda yang cuba untuk mewujudkan kesedaran awam terhadap ancaman LGBT dan seks bebas," katanya dalam sidang akhbar di sini pada Khamis.

Dengan itu, beliau mengumumkan bahawa JMM akan mempertahankan lima pemuda - yang hadir pada hari Khamis dan memberikan mereka khidmat undang-undang.

Lima lelaki berusia antara 24 dan 36 tahun didakwa di mahkamah majistret minggu lepas kerana menampal poster di Jalan Wan Kadir, Taman Tun Dr Ismail pada pukul 3.40 pagi pada Februari.

Sebelum ini dilaporkan bahawa terdapat poster-poster ditemui oleh penduduk TTDI dan mengandungi gambar Pengerusi Bersih 2.0, Datuk S. Ambiga, Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng dan Sasterawan A.Samad Said.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/3/29/mstar\\_berita/20120329222114&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/3/29/mstar_berita/20120329222114&sec=mstar_berita)